

BULETIN KELAB

JULY/AUG

KELUARAN
30/06



KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PUSAT ASASI UIAM “KEBAJIKAN TERAS PERPADUAN”



En. Kamaruddin Samat sedang memberi ucapan perasmian Mesyuarat Agong Ke-17 KKK..



Barisan AJK KKK yang hadir dalam mesyuarat tersebut.



Acara cabutan bertuah bagi ahli-ahli KKK yang hadir.



Jamuan makan selepas berakhirnya Mesyuarat Agong.

MESYUARAT AGONG KALI KE 17 KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PUSAT ASASI UIAM....telah diadakan pada 25 April 2008 (Jumaat) jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Al-Malik Faizal.

Ucapan perasmian mesyuarat dibuat oleh En. Kamaruddin Samat. Kedatangan ahli-ahli KKK pada mesyuarat tersebut amat menggalakkan dan diharapkan agar penyertaan yang lebih pada masa hadapan.

En. Syamsul Amri selaku Pengerusi KKK mempengerusikan mesyuarat pada hari tersebut. Beberapa perkara telah diperdebatkan dengan hangat sekali dikalangan ahli-ahli. Walaupun sesi perbincangan berlangsung dalam keadaan tegang tetapi barisan AJK kelab dan ahli-ahli dapat menyelesaikan beberapa isu berbangkit dengan tenang.

Tahniah diucapkan kepada AJK KKK yang telah bertungkus lumus dalam membuat persediaan bagi mesyuarat tersebut. Pihak AJK KKK juga mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan berharap agar terus memberi sokongan kepada Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Asasi UIAM dulu, kini dan selamanya.....

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

**EN. SYAMSUL AMRI
ABDUL RAHIM**

PENASIHAT:

**EN. MOHD AMIN HJ.
ISMAL**

PENGARANG:

ZAIREEN ZALINASHILA UYUB

AJK:

**AZRUL HAZLE ISHAK
ROSINAWANI MUSTAFA
RUHAIDAH MUSA
NOR AZLINA**

KANDUNGAN BULETIN

Lawatan ke Kilang Gardenia	2
Senarai Penerima Sumbangan KKK	3
Hargailah Isteri	4
Petikan Ucapan Ustaz Aqil	5
Kuih Raya	6

BIRO REHLAH & RIADAH KKK telah menganjurkan satu lawatan ke kilang roti Gardenia, Shah Alam pada 26hb May 2008. Lawatan tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli KKK. Diharap akan lebih banyak lagi aktiviti menarik yang boleh dianjurkan oleh Biro Rehlah & Riadah pada masa akan datang.



Kedatangan ahli-ahli KKK disambut mesra oleh kakitangan Gardenia.



Salah seorang pekerja sedang mengagihkan bungkusan roti kepada semua yang turut serta dalam lawatan tersebut.



Sempat memberikan pose istimewa sambil mendengar penerangan wakil Gardenia.



Bergambar sebelum berangkat pulang.



BULETIN
SENARAI PENERIMA SUMBANGAN
BULAN FEBUARI – JUN 2008

Sumbangan Cahayamata – RM 50.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	Mohd Zabidi Hamid	Pentadbiran
2.	En.Mokhtar Ahmad	Sumber Manusia
3.	Muhammad Saifullah Hassan	Kejuruteraan
4.	Mohd Nasri A.Manan	Hal Ehwal Pelajar
5.	Mohd Sharif Hashim	Kepimpinan & Latihan

Sumbangan Bertukar Tempat Kerja – RM 50.00

NO.	NAMA	JABATAN BARU
1.	Zuzana Latif	Undang-Undang
2.	Nabiha Ahmad	Kewangan

Sumbangan Hospital - RM 50.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	Abdul Rahman Arshat	Pentadbiran
2.	Noor Azlan Mohd Husin	Kemasukan & Rekod
3.	Azrul Hazle Ishak	UKC 1
4.	Azizah Zaidan	Kemasukan & Rekod
5.	Mohamed Yusof Yob	Pentadbiran & Perkhidmatan

Sumbangan Kecemerlangan - RM 200.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	Fadzil Jumman - SPM	Sains Program
2.	Suhaimi Othman – UPSR & PMR	ABC

Sumbangan Kematian

NO.	NAMA	JABATAN
1.	Saadiah Abdullah	Unit Keselamatan

Hargailah isteri anda.....

Mulianya seorang isteri disisi Allah...

Dan betapa berharganya wanita yang bergelar isteri ini pada keluarga, suami dan anak-anak Rugi dan binasalah suami-suami yang tidak menghargai isteri mereka kerana isteri inilah yang akan membantu mereka di akhirat kelak.
Biarlah buruk mana isteri anda, sayangilah mereka.....

Beruntungnya seorang wanita yg ada rahim ini ialah dia bekerja dengan Tuhan... jadi 'kilang' manusia.

Tiap-tiap bulan dia diberi cuti bergaji penuh...

7 sehingga 15 hari sebulan dia tak wajib sembahyang tetapi Allah anggap diwaktu itu sembahyang terbaik darinya.

Cuti bersalin juga sehingga 60 hari.

Cuti ini bukan cuti suka hati

tapi cuti yang Allah beri sebab dia bekerja dengan Allah.

Orang lelaki tak ada cuti dari sembahyang..

sembahyang wajib baginya dari baligh sehingga habis nyawanya.

Satu lagi berita gembira untuk wanita, Sepanjang dia mengandung

Allah sentiasa mengampunkan dosanya, Lahir saja bayi seluruh dosanya habis.

Inilah nikmat Tuhan beri kepada wanita, jadi kenapa perlu takut nak beranak?

Marilah kita pegang kepada tali Allah.

Seandainya wanita itu mati sewaktu bersalin, itu dianggap mati syahid, Allah izinkan terus masuk Syurga.

Untuk orang kafir dia tak dapat masuk Syurga tapi

Allah beri kelonggaran siksa kubur.

Untuk peringatan semua wanita yang bersuami seluruh kebaikan suaminya, semuanya isteri dapat pahala tetapi dosa-dosa suami dia tak tanggung.

Diakhirat nanti seorang wanita solehah akan terperanjat dengan pahala extra yang banyak dia terima diatas segala kebaikan suaminya yang tak disedari. Contohnya bila dia redho suaminya pergi berjemaah di masjid atau ke majlis ilmu, bersedekah.. ganjaran Allah keatasnya jua..

Bila dia lihat suaminya tengah terhegeh-hegeh di titian Sirat dia tak nak masuk syurga tanpa suaminya, jadi dia pun memberi pahalanya kepada suami untuk lepas masuk syurga.

Didunia lagi, kalau suami dalam kesusahan isteri boleh bantu tambah lagi di akhirat.

Kalau seorang isteri asyik merungut, mulut selalu munjung terhadap suami dia tak akan dapat pahala extra ini.

Manakala suami pula mempunyai tugas-tugas berat didalam dan diluar rumah, segala dosa-dosa anak isteri yang tak dididik dia akan tanggung ditambah lagi dengan dosa-dosa yang lain..

Dinasihatkan kepada semua wanita supaya faham akan syariat Allah agar tidak derhaka denganNya.

Sesungguhnya wanita dijadikan daripada rusuk kiri lelaki. Dia bukan dicipta dari kepala ke kaki, juga bukan dari tapak kaki. Dia dicipta dari sebelah rusuk kiri lelaki supaya dia hampir kepada kamu(lelaki), lengan lelaki dicipta untuk mempertahankan wanita, dekat dengan hati lelaki untuk disayangi.

Woman was made from the rib of man,
She was not created from his head to top him,
Nor from his feet to be stepped upon,
She was made from his side to be close to him,
From beneath his arm to be protected by him,
Near his heart to be loved by him.

"Wahai Tuhan...

ku tak layak ke syurgamu ...
namun tak pula aku sanggup ke nerakamu...
kamilah hamba yang mengharap belas darimu ...

"Ya Allah...

jadikanlah kami hamba2 mu yang bertaqwa ..
ampunkan dosa2 kami, kedua ibubapa kami,
dosa semua umat2 islam yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia".....

Kubur itu gelap, cahayanya ialah Laa Ilaaha Illallah.
Jika diletakkan langit dan bumi di sebelah dacing, dan kalimah ini di sebelah yang satu lagi, pasti lebih berat lagi nilai kalimah 'Laa ilaaha illallah' ini.
Rasulullah saw. bersabda (mafhumnya): "Wahai manusia! Ucaplah 'Laa ilaahailallah', kamu pasti berjaya!"

Marilah kita ucapkan kalimah ini:

"Laa ilaaha illallah!" x 10

(Petikan ucapan Ustaz Hj. Akil Hayy)

Di dalam hidup manusia, yang penting ialah BERKAT.

Bila hidup kita berkat, diri ini akan selamat.

Apabila diri selamat, rumahtangga jadi sepakat.

Apabila rumahtangga jadi sepakat, masyarakat jadi muafakat.

Apabila masyarakat jadi muafakat, negara kita menjadi kuat.

Apabila Negara menjadi kuat, negara luar jadi hormat.

Apabila negara luar jadi hormat, permusuhan pun tersekat.

Apabila permusuhan tersekat, pembangunan pun meningkat.

Apabila pembangunan pun meningkat, kemajuan menjadi pesat.

TETAPI AWAS, apabila pembangunan meningkat, kemajuan menjadi pesat, kita lihat bangunan naik bertingkat-tingkat.

Ditengah-tengah itu, tempat maksiat tumbuh macam kulat.

Apabila tempat-tempat maksiat tumbuh macam kulat,

KETIKA ITU manusia mula mengubah tabiat.

Apabila manusia telah mengubah tabiat, ada yang jadi lalat ada yang jadi ulat.

Apabila manusia dah jadi ulat, sembahyang makin hari makin liat.

Apabila sembahyang jadi liat, orang baik ada yang bertukar jadi jahat.

Apabila orang baik bertukar jahat, orang miskin pula nak kaya cepat.

Apabila orang miskin nak kaya cepat, orang tua pula nak mati lambat.

Apabila orang tua nak mati lambat, tak dapat minum madu telan jerla minyak gamat.

Yang lelaki, budak budak muda pakai seluar ketat.

Semua nak tunjuk kuat.

Bila berjudi, percaya unsur kurafat.

Tapi hidup pula yang melarat.

Tali kasut dah tak berikat.

Rambut pun jarang sikat.

Yang perempuan, pakai mini sekerat.

Suka pakai baju ketat.

Suka sangat menunjukkan pusat.

Hingga tak pedulikan lagi batasan aurat.

Pakai pulak yang singkat-singkat.

Kadang-kadang ternampak benda 'bulat'.

Bila jadi macam ini, siapa lihat pasti tercegat.

Silap gaya jadi gawat, bohsia bohjan lagi hebat.

Duduk jauh berkirim surat .

Bila berjumpa, tangan berjabat.

Kemudian pakat lawan peluk siapa erat.

Masa tu, nafas naik sampai tersekat-sekat.

Usah peduli agama dan adat.

Usah takut Allah dan malaikat.

Yang penting apa kita nak buat?

Kita 'bukti' lah kita buat.

Akhirnya perut kempis dah jadi bulat.

Apabila perut kempis dah jadi bulat, maka lahirlah pula anak-anak yang tak cukup sifat.

Bila anak-anak tak cukup sifat, jam tu kita tengok bayi dibuang di

merata tempat.

MAKNANYA KETIKA ITU, IBLIS MULA MELOMPAT.

Dia kata apa? Habis manusia dah masuk jerat.

Habis manusia telah tersesat.

Inilah dia fenomena masyarakat.

Oleh itu wahai saudaraku dan para sahabat,

Marilah kita pakat mengingat,

Bahawa dunia hari ini makin singkat,

Esok atau lusa mungkin kiamat,

Sampai masa kita semua akan berangkat! .

Berangkat menuju ke negeri akhirat.

Di sana kita akan ditanya apa yang kita buat.

Masa tu, sindri mau ingat.

Umur mu banyak mana mu buat ibadat...?

Zaman muda mu, apa yang telah mu buat...?

Harta benda anta, dari mana anta dapat...?

Ilmu anta, adakah anta manfaat...?

Semoga ianya dapat mengingatkan kita supaya segera meninggalkan maksiat dan memperbanyakkan ibadat.

TEMPAHAN KUEH RAYA



ALMOND LONDON
50PCS = RM20



ARABIAN CRYSTAL
50 PCS = RM23



BLACK & WHITE
BEAUTY 60 PCS = RM24



CASHEWNUT SPARKLE
50 PCS = RM23



PUTRY CHIP
50 PCS = RM20



ROYAL CHOCOLATE
COOKIES 50 PCS = RM23



TRIPANA CRUNCHY
60PCS = RM24



PINEAPPLE TART
50 PCS = RM20



PINKY STRAWBERRY
50 PCS = RM23



MOCHA CASABLANCA
50 PCS = RM20



COCONUT SEMPERIT
60 PCS = RM24

Tempahan kuih boleh dibuat mulai sekarang sehingga 7hb September 2008. Sila berjumpa dengan Sis Azizah Zaidan (Ext : 3200@A & R Dept & Sis. Noorhayati Ext: 3431 @ QLD) untuk tempahan atau melihat contoh kuih. Setiap pembelian, Rm 2.00 akan diberi kepada Kelab Kebajikan Kakitangan, Pusat Asasi, UIAM, untuk menampung perbelanjaan aktiviti – aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Kelab.

Sokongan dari ahli Kelab amatlah dialu –alukan....

Terima kasih.

Anjuran

*Biro Kebajikan
Kelab Kebajikan Kakitangan
Pusat Asasi, UIAM. Petaling Jaya.*